


KHAMIS • 25.08.2016

sukan@utusan.com.my

SUKAN

GRENADE NO. 1,
MALAYSIA 59 »37

ORANG ramai berebut untuk mengambil gambar atlet negara yang pulang dari Rio, termasuk Lee Chong Wei yang mendukung anaknya di Kompleks Bunga Raya, KLIA, Sepang semalam. - UTUSAN



Disambut umpama bintang rock

SEPANG 24 Ogos - Wira dan wirawati Olimpik negara mendapat sambutan umpama 'rock-star' apabila dikerumuni lebih 1,000 peminat yang menunggu ketibaan mereka di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini.

Ini kali pertama sambutan sebegini meriah diterima oleh atlet negara yang pulang daripada mana-mana kejohanan termasuk dari Sukan Olimpik edisi lalu sekali pun mereka turut membawa pulang pingat.

Sorakan kegembiraan, sepaduk memaparkan kata-kata penghargaan serta kibaran Jalur Gemilang sejak pulak 12 tengah hari menyambut kepulangan kumpulan terakhir daripada kontingen Olimpik 2016 negara yang terdiri daripada 24 atlet dan pegawai yang diketuai Ketua Kontingen, Tan Sri Dr. Mohamed Al Amin Abdul Majid.

Antara atlet terakhir yang pulang dari Sukan Olimpik di Rio itu adalah daripada sukan badminton dan terjun, termasuk pemenang-pemenang pingat perak iaitu Datuk Lee Chong Wei, beregu campuran Chan Peng Soon-Goh Liu Ying, beregu lelaki Goh V Shem-Tan Wee Kiong serta pasangan penerjun Pandelela Rinong Pang-Cheong Jun Hoong.

Ketibaan kapal terbang yang

membawa atlet-atlet berkenaan di KLIA pada pukul 2.30 petang itu diberi penghormatan water salute sebagai penghargaan kepada mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengetui majlis menyambut atlet negara itu melahirkan rasa cukup bangga atas kejayaan mereka di Rio.

"Hari ini mereka menjadi rockstar kepada kita semua dan sambutan yang diberikan cukup hebat dan luar biasa.

"Saya hendak menyatakan bahawa walaupun pingat emas tidak berada dalam gengaman kita kali ini tetapi kita telah mencatatkan kejayaan terbaik dalam sejarah Sukan Olimpik bagi negara Malaysia," katanya, yang turut mengalungkan bunga kepada atlet-atlet berkenaan.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin serta menteri-menteri Kabinet.

Tidak ketinggalan menunggu kepulangan wira dan wirawati negara itu adalah ahli keluarga mereka.

Jelas Perdana Menteri, kerajaan tidak akan berhenti daripada memajukan sukan negara yang telah menjadi platform penting untuk menyatupadukan rakyat Malaysia.

Rio ubah landskap sukan negara

REAKSI

ATLET OLIMPIK RIO



"SAMBU-TAN ini satu kejutan besar saya terutama apabila melihat ramai orang menyambut ketibaan kami dan terima kasih kepada semua."

CHEONG JUN HOONG
Penerjun negara

"WALAU PUN kecewa kerana tewas tiga kali berturut-turut dalam perlawanan akhir Sukan Olimpik dan hanya membawa pulang pingat perak untuk kali ketiga, namun sambutan yang diberikan ke atas saya hari ini membuatkan saya terharu, terima kasih kepada semua rakyat Malaysia."

DATUK LEE CHONG WEI
Pemain badminton No. 1 dunia



"JUMLAH orang yang ramai di sini membuatkan saya terharu dan saya juga tidak menjangka berupaya meraih pingat perak dalam Olimpik."

PANDELELA RINONG
Penerjun negara

"SAYA sangat gembira dengan sambutan sebegini, malah tidak menjangkakannya apabila melihat terlalu ramai menyambut ketibaan kami."



"INI adalah pencapaian paling baik buat Malaysia kerana berupaya membawa pulang lebih banyak pingat Olimpik dan saya berterima kasih ke atas penyokong atas sambutan luar biasa ini."

GOH V SHEM
Pemain badminton beregu lelaki

CHAN PENG SOON
Pemain badminton beregu campuran

NUR DHABITHAH SABRI
Penerjun negara

"INI satu pengalaman yang amat hebat buat saya, tambahan pula ini adalah kali pertama saya melaluiinya."

GOH LIU YING
Pemain badminton beregu campuran

Oleh NOR AZAN FITRI AHMAD HIDZIR dan ZAZALI JAMIAN
sukan@utusan.com.my

■ SEPANG 24 OGOS

PENCAPAIAN cemerlang kontingen Malaysia dalam Sukan Olimpik Rio bakal merubah landskap sukan tanah air, terutama dari segi menarik minat lebih banyak pihak swasta untuk membangun program pembangunan.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin menegaskan, kejayaan membawa pulang empat pingat perak dan satu gangsa daripada temasya Rio bukan sekadar mencatat sejarah, tetapi lebih daripada itu mampu menjadi pembuka jalan untuk Malaysia mencipta lebih banyak sejarah pada masa akan datang.

"Bagi kami, bajet untuk pembangunan sukan bukan satu masalah, namun kami berharap (dengan kejayaan cemerlang di Rio) lebih banyak pihak swasta akan tampil memberikan sokongan khususnya kepada persatuan-persatuan sukan selepas melihat kegemilangan atlet negara."

"Sebagai contoh Azizul, dia merupakan pelabur yang baik, dia berjaya membawa pulang pingat dalam acara Keirin dan menjadi satu-satunya atlet Asia yang 'paling tinggi' untuk menang acara yang dimonopoli negara Eropah," kata Khairy dalam sidang akhbar selepas Majlis Sambutan Atlet Sukan Olimpik Malaysia di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berbual dengan Goh V Shem ketika menyambut kepulangan kumpulan terakhir atlet negara dari Sukan Olimpik Rio di Kompleks Bunga Raya, KLIA, Sepang semalam. Turut hadir Khairy Jamaluddin.

(KLIA) di sini hari ini.

Menurut Khairy, walaupun misi memburu emas masih gagal terlaksana selepas 60 tahun Malaysia menyertai temasya sukan terbesar dunia itu, namun beliau berpuas hati dengan pencapaian yang diraih kontingen Malaysia di Rio sambil menyifatkannya sebagai keputusan terbaik dalam sejarah.

Beliau berkata, pencapaian lima pingat dalam temasya sukan berprestij itu merupakan peningkatan luar biasa dengan tiga sukan menjadi penyumbang

iaitu badminton, berbasikal dan terjun.

Katanya, prestasi di temasya Rio merupakan petanda positif bahawa Malaysia mampu memberikan saingan kepada negara-negara lain di persada sukan utama dunia itu meskipun masih belum mampu membawa pulang emas.

"Ini merupakan pencapaian terbaik dalam sejarah, sebelum ini secara keseluruhan kita hanya ada enam pingat sahaja tetapi kali ini kita berjaya meraih lima pingat."

"Sebanyak 32 atlet negara bertanding dan secara peratusannya, 25 peratus atlet kita berjaya membawa pulang pingat dan jumlah itu adalah tinggi," katanya lagi.

Olimpik Rio yang melabuhkan tirainya Ahad lalu menyaksikan Malaysia berjaya meraih empat pingat perak menerusi Datuk Lee Chong Wei, Goh V Shem-Tan Wee Kiong, Chan Peng Soon-Goh Liu Ying dan Pandelela Rinong-Cheong Jun Hoong, selain Azizulhasni Awang menyumbang satu pingat gangsa.



LEE CHONG WEI
melayan permintaan
peminat untuk
bergambar di Kompleks
Bunga Raya, KLIA,
Sepang semalam.